

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERUBATAN)  
(OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF HEALTH (MEDICAL))  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)  
ARAS 7, BLOK E1, PARCEL E,  
62590 PUTRAJAYA



Telefon : 03-88831034  
Fax : 03-88831045

Ruj. Kami : KKM.600-1/3/258 JN03(1)

Senarai edaran,


Tarikh : 30 Januari 2019

Y. Bhg. Prof/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEMANTAPAN PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH MENERUSI  
PENYERAGAMAN SISTEM WAKTU BEKERJA FLEksi DI HOSPITAL  
LATIHAN SISWAZAH.**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana Y. Bhg. Prof/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Sistem Waktu Bekerja Fleksi telah dilaksanakan di Hospital Latihan Siswazah (HLS) hampir 10 tahun. Dalam tempoh tersebut, terdapat maklumbalas yang diterima dari pelbagai pihak terutamanya dari kalangan PPS dan ibu bapa yang mendakwa masih mempunyai beban kerja yang berat serta tempoh bertugas yang lama di hospital.
3. Susulan itu, beberapa siri perbincangan yang melibatkan pelbagai pihak seperti Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan), Ketua-Ketua Perkhidmatan Kepakaran KKM, Pengarah-Pengarah Hospital, Pakar-Pakar dari pelbagai disiplin dan wakil Pegawai Perubatan Siswazah dari beberapa buah hospital telah diadakan bagi mendapatkan input untuk memantapkan lagi pelaksanaan Sistem Waktu Bekerja Fleksi tersebut.
4. Untuk makluman, pada prinsipnya semua pihak yang terlibat telah bersetuju untuk menyeragamkan Sistem Waktu Bekerja Fleksi di semua HLS. Menerusi pelaksanaan terkini, penekanan masih diberikan ke atas *accountability and sense of ownership* dalam aspek perawatan pesakit. Selain itu, PPS juga akan dijadualkan lebih banyak masa pada waktu pejabat supaya mereka berpeluang mendapatkan pendedahan pembelajaran secara optimun.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702

5. Berikut merupakan beberapa prinsip am dalam Penyeragaman Sistem Waktu Kerja Fleksi (Lampiran A) yang diringkaskan antaranya:-

- i. Purata jumlah waktu bekerja telah dikurangkan kepada **60-62 jam seminggu** berbanding sebelum ini yang memperuntukkan sebanyak 65-75 jam seminggu.
- ii. Waktu kerja bagi 9 disiplin yang terlibat dengan latihan siswazah **diseragamkan kepada 3 waktu fleksi** yang merangkumi fleksi pagi, fleksi petang dan fleksi malam.
- iii. Rangka am bagi jadual tugas fleksi tersebut telah disediakan oleh 9 Ketua Perkhidmatan disiplin utama dalam latihan siswazah dan akan digunakan secara **seragam** mengikut disiplin masing-masing.
- iv. PPS **tidak** boleh dijadualkan bertugas secara berterusan melebihi 14 jam pada satu-satu sesi tanpa diberikan masa rehat. Selain itu, mereka juga tidak dibenarkan berkerja secara *double duty* pada hari yang sama.
- v. Bagi mengutamakan latihan, **semua** hari dikira sebagai hari bekerja bagi PPS termasuklah hari cuti kelepasan am dan hari cuti hujung minggu. Namun begitu, pemberian cuti mingguan selama 1 hari penuh masih lagi **dikekalkan**. Namun, cuti mingguan tersebut tidak semestinya diberikan pada hujung minggu sahaja tetapi ia boleh diberikan pada mana-mana hari dalam seminggu mengikut kesesuaian.
- vi. PPS juga **layak** diberikan cuti gantian sekiranya mereka dijadualkan untuk bertugas pada hari cuti kelepasan am dan cuti gantian tersebut perlulah dihabiskan dalam posting semasa dan tidak boleh di bawa ke *posting* seterusnya.
- vii. Bagi PPS yang menjalani waktu kerja fleksi malam, mereka perlu diberikan '*protected post-night duty off*' di mana kebiasaananya '*off*' tersebut akan diberikan setelah selesai '*hand-over*', *ward round*' atau '*grand round*', sesi CME dan sebagainya. Namun, dalam situasi tertentu atas kepentingan latihan dan perkhidmatan seperti bencana, krisis dan sebagainya, Ketua Jabatan boleh melanjutkan tempoh bertugas PPS.



6. Sukacita Y. Bhg. Prof/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan diarah untuk melaksanakan Sistem Waktu Bekerja Fleksi yang diseragamkan di semua HLS berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Semua Pengarah HLS perlu memaklumkan perkara ini kepada semua Ketua Jabatan berkaitan yang mengendalikan Program PPS supaya ketetapan ini dapat dilaksanakan dengan tersusun dan lancar.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' DR. HJ. AZMAN BIN ABU BAKAR)**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Sk. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia


Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia


Semua 14 Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri

Ketua Perkhidmatan Perubatan Dalaman, KKM

Ketua Perkhidmatan Pediatric, KKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702

Ketua Perkhidmatan Pembedahan, KKM

Ketua Perkhidmatan O&G, KKM

Ketua Perkhidmatan Orthopedik, KKM

Ketua Perkhidmatan Anesthesiologi, KKM


Ketua Perkhidmatan Perubatan Kecemasan, KKM

Ketua Perkhidmatan Psikiatri, KKM


Ketua Perkhidmatan Kesihatan Primer, KKM

### **Senarai Edaran**

Semua 47 Pengarah Hospital Latihan Siswazah



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR 4702

**GARIS PANDUAN AM PEMANTAPAN  
PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN  
SISWAZAH:-**

**PENYERAGAMAN SISTEM WAKTU  
KERJA FLEKSI DI HOSPITAL  
LATIHAN SISWAZAH**

# **GARIS PANDUAN AM PEMANTAPAN PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH MENERUSI PENYERAGAMAN SISTEM WAKTU KERJA FLEKSI DI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH.**

---

## **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Memberikan penjelasan yang terperinci mengenai pelaksanaan Penyeragaman Sistem Waktu Kerja Fleksi bagi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sistem berkerja terdahulu iaitu Sistem Bertugas Atas Panggilan (*On-call*) memerlukan Pegawai PPS bekerja dalam tempoh masa yang panjang selama purata 84-106 jam seminggu. Berikutan pertambahan bilangan graduan perubatan, kekerapan bertugas atas panggilan telah berkurangan dari 14 kali kepada 8 kali sebulan.
- 2.2 Mulai September 2011, Sistem Waktu Kerja Fleksi telah diperkenalkan menggantikan Sistem *On-call* bagi memantapkan lagi Program PPS dengan objektif utama untuk menjadikan Pegawai Perubatan yang selamat dan kompeten. Menerusi sistem ini, jumlah waktu bekerja PPS telah berjaya dikurangkan kepada purata 60 jam dalam seminggu.
- 2.3 Seterusnya mulai 1hb Januari 2014, penambahbaikan terhadap Sistem Waktu Kerja Fleksi telah dibuat semula susulan dari maklumbalas yang diterima oleh Kementerian. Jumlah waktu kerja telah ditambahbaik kepada 65-75 jam dalam seminggu, diberikan *protected post night flexy off* dan 1 hari cuti mingguan.
- 2.4 Menerusi sistem tersebut juga, Hospital Latihan Siswazah diberikan **fleksibiliti** atau **kebebasan** membuat penyesuaian melaksanakan

waktu kerja fleksi asalkan masih mematuhi prinsip am atau rangka kerja generik (*Generic Framework*) yang ditetapkan.

### **3.0 ISU DAN CABARAN**

- 3.1 Terdapat variasi dan perbezaan dalam pelaksanaan Sistem Waktu Kerja Fleksi di antara hospital-hospital dan disiplin-disiplin di hospital yang sama. Keadaan ini menyebabkan pemantauan terhadap pelaksanaan polisi menjadi sukar dan kurang efektif.
- 3.2 Susulan itu, beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah diadakan bagi mendapatkan input untuk menambahbaik pelaksanaan Sistem Waktu Kerja Fleksi misalnya Mesyuarat bersama Ketua-ketua Perkhidmatan pada September 2018, diikuti Mesyuarat Teknikal Pengarah Pekembangan Perubatan bersama Pengarah-Pengarah Hospital Latihan Siswazah pada 3hb Oktober 2018 dan juga maklumbalas dari PPS di beberapa buah hospital.

### **4.0 PRINSIP AM PELAKSANAAN PENYERAGAMAN SISTEM WAKTU KERJA FLEKSI BAGI PPS.**

- 4.1 PPS merupakan penjawat awam yang dilantik oleh Kerajaan yang tertakluk kepada Perintah Am Kerajaan. Pada masa yang sama juga, PPS yang dilantik juga perlu menjalani latihan siswazah sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Perubatan 1971 Seksyen 13 (2). Oleh itu, PPS juga terikat dengan peraturan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian.
- 4.2 Semua Hospital Latihan Siswazah perlu mematuhi arahan pelaksanaan Penyeragaman Sistem Waktu Kerja Fleksi di hospital masing-masing dan **tidak** lagi melaksanakan Sistem On-call terhadap PPS.
- 4.3 Peruntukan Bayaran Khas Elaun Fleksi sebanyak RM 600 sebulan masih lagi diteruskan kerana PPS bertugas selama minimum 60 jam

dalam seminggu serta “lebih masa” dan “di luar” dari waktu bekerja biasa secara tetap.

- 4.4 Penekanan juga diberikan ke atas '**accountability**' dan '**sense of ownership**' dalam aspek rawatan pesakit serta lebih banyak masa bertugas diperuntukkan pada waktu pejabat untuk memaksimakan latihan siswazah PPS.
- 4.5 Prinsip Am Penyeragaman Sistem Waktu Kerja Fleksi adalah seperti berikut:-
  - i. Purata jumlah waktu bekerja PPS telah dikurangkan kepada **60-62 jam seminggu**.
  - ii. Waktu kerja fleksi bagi setiap disiplin yang terlibat dengan latihan siswazah **diseragamkan** kepada **3 waktu fleksi** seperti berikut:-
    - a) Fleksi Pagi
    - b) Fleksi Petang
    - c) Fleksi Malam
  - iii. Jadual tugas PPS di setiap jabatan perlulah mengikut **Rangka Am Jadual Waktu Kerja Fleksi** yang telah disediakan oleh Ketua perkhidmatan masing-masing yang **diseragamkan** mengikut disiplin di semua Hospital Latihan Siswazah seperti di **Lampiran A**.
  - iv. Sistem Waktu Kerja Fleksi hendaklah dilaksanakan **tanpa** mengambil kira jumlah PPS yang terdapat di jabatan pada satu-satu masa. Perkhidmatan perlu diteruskan oleh Pegawai Perubatan di wad masing-masing semasa ketiadaan PPS di satu-satu fleksi. Sebagai contoh, sekiranya hanya terdapat seorang PPS sahaja di Jabatan Pembedahan dan PPS tersebut telah menjalani fleksi pagi, maka perkhidmatan klinikal bagi fleksi petang dan fleksi malam perlulah diteruskan oleh Pegawai Perubatan di jabatan tersebut.

- v. PPS **tidak** boleh dijadualkan bertugas melebihi 14 jam secara berterusan pada satu-satu sesi tanpa diberikan rehat.
- vi. PPS **tidak** dibenarkan berkerja secara *double duty* pada hari yang sama, misalnya PPS A telah menjalani fleksi pagi, maka beliau tidak boleh diarahkan untuk bertugas semula pada fleksi malam di hari yang sama.
- vii. Selepas menjalani waktu kerja fleksi malam, PPS perlu diberikan '**protected post-night duty off**' di mana kebiasaannya 'off' akan diberikan selepas waktu tengahari iaitu setelah selesai '*hand-over*', *ward round*' atau '*grand round*', sesi CME dan sebagainya. Namun, dalam situasi tertentu atas kepentingan latihan dan perkhidmatan seperti bencana, krisis dan sebagainya, Ketua Jabatan boleh melanjutkan tempoh bertugas PPS.
- viii. Pada prinsipnya dalam Sistem Waktu Kerja Fleksi, **semua** hari adalah dikira sebagai hari bekerja bagi PPS termasuk juga hari cuti kelepasan am dan hari cuti hujung minggu (Sabtu/ Ahad atau Jumaat/ Sabtu bagi beberapa negeri tertentu).
- ix. Namun, memandangkan PPS adalah penjawat awam yang dilantik untuk menjalani latihan siswazah, maka mereka diberikan **1 hari penuh cuti mingguan** di mana cuti tersebut boleh diberikan pada mana-mana hari dalam seminggu dan tidak semestinya diberikan pada hari hujung minggu sahaja.
- x. PPS juga **layak** mendapat cuti hari kelepasan am atau diberikan cuti gantian bagi hari kelepasan am tersebut sekiranya mereka bekerja pada hari tersebut (seperti yang dilaksanakan sebelum ini). Walaubagaimanapun, pemberian cuti kelepasan am tersebut mestilah mematuhi ketetapan berikut:
  - a) Sekiranya cuti kelepasan am jatuh pada hujung minggu misalnya hari Sabtu atau Jumaat (bagi beberapa negeri tertentu) dan cuti tersebut tidak di bawa ke hari berikutnya, maka PPS yang bekerja pada hari cuti kelepasan am tersebut layak diberikan cuti gantian.

- b) Sekiranya terdapat pertindihan cuti kelepasan am misalnya Hari Raya Haji dan Hari Malaysia jatuh pada hari yang sama, maka **hanya** 1 hari kelepasan atau cuti gantian sahaja layak diberikan kepada PPS.
  - c) Sekiranya cuti kelepasan am jatuh pada hujung minggu misalnya Hari Raya Haji jatuh pada hari Ahad atau Jumaat (bagi beberapa negeri tertentu) dan keesokan harinya (Isnin/Sabtu) adalah 'hari kelepasan am' bagi penjawat awam yang lain; maka PPS **hanya** layak diberikan 1 hari kelepasan atau cuti gantian sahaja (konsep yang sama digunakan bagi negeri yang hari hujung minggunya adalah hari Jumaat/Sabtu).
  - d) Cuti gantian perlu diberikan dan digunakan dalam jabatan semasa sahaja, ini bermakna cuti tersebut tidak boleh dikumpul untuk di bawa ke jabatan yang seterusnya.
- xii. PPS mempunyai kelayakan cuti rehat sebanyak **25 hari** dalam setahun dan lain-lain cuti yang berkelayakan sama seperti penjawat awam yang lain, misalnya cuti sakit, cuti bersalin dan sebagainya. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memberi kelulusan permohonan cuti PPS. Sekiranya, Ketua Jabatan enggan meluluskan permohonan tersebut, maka rayuan boleh dikemukakan kepada Pengarah Hospital untuk dipertimbangkan semula.
- xiii. Memandangkan PPS menjalani latihan siswazah, maka jumlah keseluruhan cuti yang diambil dalam satu-satu disiplin mestilah tidak dibenarkan melebihi cuti latihan iaitu sebanyak 10 hari. Sekiranya PPS mengambil cuti melebihi 10 hari, maka latihan siswazah bagi disiplin berkenaan perlu dilanjutkan mengikut kesesuaian (*accordingly*).
- xiv. Penilaian di hujung *posting* **tidak** seharusnya dilaksanakan selepas PPS bertugas pada fleksi malam. Selain itu, penilaian

- terhadap PPS juga perlu dilaksanakan oleh sekurang-kurangnya 2 orang Pakar yang berbeza bagi mengelakan berlakunya *bias*.
- xiv. *Continuous Medical Education (CME)* hendaklah dilaksanakan pada sesi pagi sahaja dan PPS diberikan *protected time* untuk menghadiri sekurang-kurangnya 75% dari sesi CME anjuran jabatan sepanjang tempoh 4 bulan di setiap disiplin.

## 5.0 PRINSIP AM PELAKSANAAN KURSUS ORIENTASI

- 5.1 Kursus Orientasi perlu dilaksanakan di peringkat hospital setelah PPS melapor diri di hospital tersebut. Kursus Orientasi yang dijalankan mestilah mengikut Rangka Kerja Kursus Orientasi yang disediakan oleh Kementerian seperti berikut:
- i. Kursus Orientasi perlu dijalankan sekurang-kurangnya selama 6 hari dan bermula dari pukul 8.00 pagi sehingga 5.00 petang setiap hari.
  - ii. PPS **tidak** boleh diarahkan untuk menjalani *tagging* di mana-mana jabatan sepanjang minggu Kursus Orientasi dijalankan.
  - iii. Modul Kursus Orientasi yang dijalankan mestilah mengandungi slot bagi *Basic Life Support Course* dan *Patient Safety Course*.
  - iv. PPS layak diberikan 1 hari cuti pada hujung minggu Kursus Orientasi tersebut iaitu sebelum mereka melapor diri untuk bertugas ke disiplin yang ditetapkan.

## 6.0 PRINSIP AM PELAKSANAAN TAGGING

- 6.1 *Tagging* bagi *posting* pertama hanya bermula setelah PPS menamatkan Kursus Orientasi di Hospital.
- 6.2 Waktu bekerja bagi PPS semasa tempoh *tagging* adalah dari pukul 7.00 pagi sehingga 10.00 malam.

- 6.3 PPS yang menjalani *tagging* perlu diberikan bimbingan oleh Pakar Penyelia atau Pegawai Perubatan Senior dan **bukanlah** dibimbing oleh PPS yang senior.
- 6.4 Tempoh *tagging* adalah selama 2 minggu namun, sekiranya Pakar mendapati PPS telah mahir dan selamat untuk dibenarkan bertugas maka tempoh *tagging* tersebut boleh dipendekkan kepada minima 1 minggu.
- 6.5 PPS layak diberikan 1 hari cuti mingguan semasa mereka melaksanakan *tagging* yang boleh diberikan pada mana-mana hari dalam seminggu.
- 6.6 Kriteria bagi melayakkan PPS dibenarkan untuk ‘*off-tagging*’ merangkumi:
- i. Sikap dan profesionalisma yang memuaskan.
  - ii. Kehadiran yang optimum
  - iii. Mencapai tahap minima kompetensi mengikut mengikut keperluan disiplin.
  - iv. Prestasi kerja yang memuaskan.
- 6.7 Sekiranya PPS didapati gagal memenuhi tahap minima kompetensi yang diperlukan dalam tempoh 2 minggu, maka tempoh *tagging* PPS tersebut perlu dilanjutkan selama 2 minggu lagi. Semasa PPS menjalani perlanjutan tempoh *tagging*, mereka mestilah **dibenarkan bertugas mengikut Sistem Waktu Berkerja Fleksi** dan bukannya diarahkan bertugas mengikut waktu *tagging* biasa iaitu dari pukul 7 pagi-10 malam.
- 6.8 Seterusnya, penilaian akan dilaksanakan setiap 2 minggu bagi menentukan samada PPS sudah mencapai tahap minima kompetensi yang diperlukan sebelum dibenarkan menamatkan tempoh *tagging*.
- 6.9 Sekiranya didapati PPS masih tidak memenuhi tahap minima kompetensi yang diperlukan selepas 4 minggu dan masih perlu

dilanjutkan tempoh *tagging* di satu-satu posting, maka kelulusan dari Jawatankuasa Program PPS diperingkat hospital adalah diperlukan.

## **7.0 PRINSIP AM PELAKSANAAN *HAND OVER***

- 7.1 PPS wajib hadir secara fizikal di wad semasa sesi *hand-over* dilaksanakan.
- 7.2 Nota '*hand-over*' perlu mengandungi:
  - i. Nama atau nombor pendaftaran pesakit
  - ii. Tarikh dan masa membuat *hand over*
  - iii. Isu-isu semasa dan terkini bagi pesakit berkenaan
  - iv. Pelan pengurusan pesakit yang perlu dijalankan (*management plan*)
  - v. Ujian yang perlu dijalankan dan keputusan ujian yang perlu disemak.
  - vi. Arahan atau tumpuan khusus bagi pesakit tersebut
  - vii. Dokumentasi secara bertulis
  - viii. Diiktiraf dan ditandatangan oleh kedua-dua PPS
- 7.3 Walaubagaimanapun, bagi hospital yang berasaskan Sistem Komputer/ IT buku atau fail '*hand-over*' perlu diwujudkan oleh pihak jabatan bagi memastikan perjalanan *hand-over* dapat dilaksanakan dengan berkesan.

## **8.0 PELAKSANAAN**

- 8.1 Sistem Waktu Kerja Fleksi yang telah diseragamkan ini disaran dilaksanakan di semua 47 Hospital Latihan Siswazah pada tahun 2019 dan berkuakuasa pada tarikh surat edaran Ketua Pengarah Kesihatan dikeluarkan.
- 8.2 Susulan pelaksanaan Sistem Waktu Kerja Fleksi yang diseragamkan ini maka surat edaran KPK yang terdahulu iaitu KKM/87/ P2-1/ 14/jld 8 (10) yang diedarkan pada 24 Disember 2013 adalah dengan ini terbatal.

- 8.3 Semua Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital Latihan Siswazah bertanggungjawab perkara ini kepada semua pegawai yang mengendalikan Program Latihan Siswazah supaya ketetapan ini dapat dilaksanakan seperti arahan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

## **9.0 PERTANYAAN DAN MAKLUMBALAS**

- 9.1 Tatacara ini adalah dinamik dan akan dikemaskini serta ditambahbaik dari semasa ke semasa.
- 9.2 Pertanyaan atau maklumbalas penambahbaikan berhubung garis panduan ini bolehlah dirujuk kepada:-

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 6, Blok E1, Parcel E, Presint 1,  
62590 Putrajaya.

Tel: 03-88831046  
Fax: 03-88831427

PENETAPAN JADUAL SISTEM WAKTU KERJA FLEKSI MENGIKUT DISIPLIN

Bil.	DISIPLIN	FLEKSI PAGI (JAM)	FLEKSI PETANG (JAM)	FLEKSI MALAM (JAM)	JUMLAH JAM SEMINGGU
1.	Pembedahan	7am – 5pm (10)	7am – 9pm (14)	8pm – 9am (13)	<b>61 jam</b>
2.	Orhtopedik	7am – 5pm (10)	7am – 9pm (14)	8pm – 9am (13)	<b>61 jam</b>
3.	Perubatan	7am – 5pm (10)	7am – 9pm (14)	8pm – 9am (13)	<b>61 jam</b>
4.	Pediatrik	7am – 5pm (10)	7am – 9pm (14)	8pm – 9am (13)	<b>61 jam</b>
5.	Obstetrik & Ginekologi	7am – 5pm (10)	7am – 8pm (13)	7pm – 9am (14)	<b>60 jam</b>
6.	Psikiatrik	7am – 5pm (10)	7am – 9pm (14)	8pm – 9am (13)	<b>61 jam</b>
7.	Anestesiologi	7am – 5pm (10)	7am – 9pm (14)	8pm – 9am (13)	<b>61 jam</b>
8.	Perubatan Kecemasan	7am – 7pm (12)	10am – 10pm (12)	10pm – 10am (12)	<b>60 – 64 jam/minggu</b>